



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**MASALAH PENGUASAAN BAHASA MELAYU
DI KALANGAN PELAJAR MELAYU DI TINGKATAN
MENENGAH ATAS DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

HJ.MD. DAUD BIN TAHA

FPP 1992 5



**MASALAH PENGUASAAN BAHASA MELAYU
DI KALANGAN PELAJAR MELAYU DI TINGKATAN
MENENGAH ATAS DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

HJ. MD. DAUD BIN TAHA

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1992



**MASALAH PENGUASAAN BAHASA MELAYU
DI KALANGAN PELAJAR MELAYU DI TINGKATAN
MENENGAH ATAS DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Oleh

HJ. MD. DAUD BIN TAHA

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
daripada Syarat-syarat Untuk Mendapatkan Ijazah
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia.**

Ogos 1992



PENGHARGAAN

Penulis bersyukur ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, penulis dapat menyiapkan tesis ini. Di samping itu penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang terbabit dalam usaha penulis menyiapkan tesis ini, terutama kepada Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Mahmood (selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) kerana telah memberikan bimbingan, nasihat dan pandangan yang amat berguna, sehingga selesainya tesis ini.

Demikian juga, kepada Encik Ibrahim bin Hj. Salleh dan Encik Mat Nor bin Hussin (selaku ahli Jawatankuasa), penulis merakam dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kerana bimbingan dan nasihat mereka kepada penulis.

Ucapan penghargaan ini penulis tujukan kepada Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, khasnya UBD, kerana telah memberikan peluang kepada penulis untuk mengikuti kursus peringkat Master Sains di Universiti Pertanian Malaysia.

Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini penulis tujukan kepada Pengetua-pengetua: MSPSBS, SMSMJA, STPRI, SMB, SMPIHM, SMRIPAS, SMMH, MAA, SMPW, dan SMSH, ketua-guru dan guru BM serta pelajar yang terlibat dalam kajian ini, kerana telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada penulis.



Di samping itu, penulis juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Hj. Md. Jamudin bin Sahat dan Awg Lim Jock Jin di Kementerian Pendidikan NBD, kerana telah memberi kebenaran kepada penulis untuk membuat penyelidikan di sekolah-sekolah menengah berke-
naan, dan memberikan maklumat tentang perangkaan penuntut menengah III dan IV di NBD.

Akhirnya penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada siapa sahaja yang telah memberikan kerjasama kepada penulis dalam usaha menyiapkan tesis ini. Wassalam.

Lot 3440, Jalan 18/60B,
Taman Sri Serdang.

23hb. Ogos, 1992



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xvi
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	20
Tujuan Kajian	26
Soalan Kajian	27
Pembatasan Kajian	29
Kepentingan Kajian	32
Definisi Operasional	33
II SOROTAN KAJIAN YANG BERKAITAN	37
Pendahuluan	37
Konsep Kesalahan Bahasa	37
Kerangka Teori Kesalahan Bahasa	41
Kajian Kesalahan Bahasa	43



III	KAEDAH DAN TATACARA PENYELIDIKAN	57
	Pendahuluan	57
	Reka Bentuk Penyelidikan	57
	Tatacara Penyelidikan	58
	Alat Pengumpulan Data	64
	Penganalisan Data	69
	Penentuan Kesalahan	70
	Pemeriksaan Karangan	81
IV	KEPUTUSAN ANALISIS DAN PERBINCANGAN	85
	Pendahuluan	85
	Keputusan	86
	Analisis Kesalahan Bahasa Secara Keseluruhan dalam Karangan	86
	Analisis Jenis-jenis Kesalahan Bahasa Yang Paling Kerap Dilakukan oleh Sampel	87
	Analisis Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel Lelaki dengan Kumpulan Sampel Perempuan	93
	Analisis Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel DBM dengan Kumpulan Sampel LUDBM	95
	Analisis Kekerapan Kesalahan antara Kumpulan Sampel LDBM dengan Kumpulan Sampel LLUDBM	98
	Analisis Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel PDBM dengan Kumpulan Sampel PLUDBM	100
	Analisis Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel Pangkat I, Pangkat II, dan Pangkat III, Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB)	102

	Analisis Kesalahan Bahasa antara Kumpulan-kumpulan Sampel SSE Tinggi, SSE Sederhana, dan SSE Rendah	104
	Perbincangan	106
	Kesalahan Ayat	106
	Kesalahan Kata	135
	Kesalahan Ejaan	177
V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	185
	Pendahuluan	185
	Kesimpulan	185
	Cadangan	192
	BIBLIOGRAFI	200
	LAMPIRAN	
A	Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan	212
B	Soalan Ujian Karangan Untuk Tingkatan IV Yang Menjadi Sampel Kajian	215
C	Soal Selidik	217
D	Butiran Temu bual Pengkaji Dengan Ketua Guru dan Guru BM	221
E	Jadual-jadual Tambahan	224
	LATAR DIRI	261



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Bilangan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Melayu dan Aliran Inggeris 1971 - 1975	5
2	Taburan Mata Pelajaran Tingkatan IV dan V Aliran Sains	8
3	Senarai Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab di Negara Brunei Darussalam - 1990	9
4	Kelulusan Akademik Guru yang Mengajar BM di Menengah Atas dan Menengah Tinggi	11
5	Keputusan Peperiksaan Bahasa Melayu Sijil Rendah Pelajaran Brunei 1986 - 1988	17
6	Tarikh Ujian Karangan Tingkatan IV bagi Sekolah-sekolah Menengah yang Menjadi Tempat Penyelidikan	67
7	Ringkasan Jumlah Kesalahan Bahasa Secara Keseluruhan dalam Karangan Sampel	88
8	Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan Ayat dan Jenis-jenisnya	90
9	Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan Kata dan Jenis-jenisnya	91
10	Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan Ejaan dan Jenis-jenisnya	92
11	Ringkasan Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel Lelaki dengan Kumpulan Sampel Perempuan	93
12	Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel Lelaki dengan Kumpulan Sampel Perempuan Berdasarkan Ujian T	95
13	Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel DBM dengan Kumpulan Sampel LUDBM	96



Jadual		Muka surat
14	Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel DBM dengan Kumpulan Sampel LUDBM Berdasarkan Ujian T	97
15	Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel LDBM dengan Kumpulan Sampel LLUDBM	98
16	Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel LDBM dengan Kumpulan Sampel LLUDBM Berdasarkan Ujian T	99
17	Ringkasan Jumlah Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel PDBM dengan Kumpulan Sampel PLUDBM	100
18	Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel PDBM dengan Kumpulan Sampel PLUDBM Berdasarkan Ujian T	102
19	Ringkasan Jumlah Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel Pangkat I, Pangkat II, dan Pangkat III SRPB	103
20	Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel Pangkat I, Pangkat II, dan Pangkat III SRPB Berdasarkan Perkiraan ANOVA	104
21	Ringkasan Jumlah Kesalahan Bahasa antara Kumpulan Sampel SSE Tinggi, SSE Sederhana, dan SSE Rendah	105
22	Kekerapan Kesalahan Bahasa antara Kumpulan SSE Tinggi, SSE Sederhana, dan SSE Rendah Berdasarkan Perkiraan ANOVA	106
23	Kekerapan Kesalahan Ayat bagi Setiap Subjek (LDBM) dalam Ujian Karangan	224
24	Kekerapan Kesalahan Ayat bagi Setiap Subjek (LLUDBM) dalam Ujian Karangan	226
25	Kekerapan Kesalahan Ayat bagi Setiap Subjek (PDBM) dalam Ujian Karangan	228



Jadual	Muka surat
26	Kekerapan Kesalahan Ayat bagi Setiap Subjek (PLUDBM) dalam Ujian Karangan 230
27	Kekerapan Kesalahan Kata bagi Setiap Subjek (LDBM) dalam Ujian Karangan 232
28	Kekerapan Kesalahan Kata bagi Setiap Subjek (LLUDBM) dalam Ujian Karangan 234
29	Kekerapan Kesalahan Kata bagi Setiap Subjek (PDBM) dalam Ujian Karangan 236
30	Kekerapan Kesalahan Kata bagi Setiap Subjek (PLUDBM) dalam Ujian Karangan 238
31	Kekerapan Kesalahan Ejaan bagi Setiap Subjek (LDBM) dalam Ujian Karangan 240
32	Kekerapan Kesalahan Ejaan bagi Setiap Subjek (LLUDBM) dalam Ujian Karangan 242
33	Kekerapan Kesalahan Ejaan bagi Setiap Subjek (PDBM) dalam Ujian Karangan 244
34	Kekerapan Kesalahan Ejaan bagi Setiap Subjek (PLUDBM) dalam Ujian Karangan 246
35	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (LDBM) dalam Ujian Karangan 248
36	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (LLUDBM) dalam Ujian Karangan 249
37	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (PDBM) dalam Ujian Karangan 250
38	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (PLUDBM) dalam Ujian Karangan 251
39	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (Pangkat I) dalam Ujian Karangan 252
40	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (Pangkat II) dalam Ujian Karangan 254



Jadual		Muka surat
41	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (Pangkat III) dalam Ujian Karangan	256
42	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (Status Sosioekonomi Tinggi) dalam Ujian Karangan	257
43	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (Status Sosioekonomi Sederhana) dalam Ujian Karangan	258
44	Kekerapan Kesalahan Bahasa bagi Setiap Subjek (Status Sosioekonomi Rendah) dalam Ujian Karangan	260



SENARAI SINGKATAN

Awda	=	Awang dan dayang
B1	=	Bahasa pertama
B2	=	Bahasa kedua
BI	=	Bahasa Inggeris
Bil.	=	Bilangan
BJCE	=	Brunei Junior Certificate of Education
BM	=	Bahasa Melayu/Malaysia
DBM	=	Daerah Brunei dan Muara
DPK	=	Dasar Pelajaran Kebangsaan
Hlm.	=	halaman
Jil.	=	Jilid
KKA	=	Kekerapan kesalahan ayat
KKE	=	Kekerapan kesalahan ejaan
KKK	=	Kekerapan kesalahan kata
LDBM	=	Lelaki Daerah Brunei dan Muara
LLUDBM	=	Lelaki Luar Daerah Brunei dan Muara
LUDBM	=	Luar Daerah Brunei dan Muara
LSP	=	Laporan Suruhanjaya Pelajaran
NBD	=	Negara Brunei Darussalam
PDBM	=	Perempuan Daerah Brunei dan Muara
Pg.	=	Pengiran
PLUDBM	=	Perempuan Luar Daerah Brunei dan Muara
t.t.	=	Tanpa tahun
SMDBM	=	Sekolah Menengah Daerah Brunei dan Muara
SMLUDBM	=	Sekolah Menengah Luar Daerah Brunei dan Muara
SSE	=	Status sosioekonomi
SPNBD	=	Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam
SRPB	=	Sijil Rendah Pelajaran Brunei



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**MASALAH PENGUASAAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN
PELAJAR MELAYU DI TINGKATAN MENENGAH ATAS
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Oleh

HJ. MD. DAUD BIN TAHA

Ogos 1992

Pengerusi: Prof. Madya Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Fakulti: Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang masalah penguasaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu di Tingkatan Menengah Atas (Tingkatan IV), di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menerusi kajian ini, aspek kesalahan bahasa dan jenis-jenisnya, dan kekerapan kesalahan tersebut oleh setiap sampel/kumpulan sampel akan dapat dikenal pasti. Di samping itu, perbezaan kekerapan kesalahan bahasa berdasarkan perbezaan lokasi, jantina, tingkat pencapaian, dan status sosio-ekonomi sampel/kumpulan sampel dalam kajian ini akan dapat dikenal pasti juga.

Untuk mencapai maksud ini, pengkaji telah memilih 10 buah sekolah menengah yang terdapat di NBD, iaitu lima buah di Daerah Brunei dan



Muara, dua buah di Daerah Tutong, dua buah di Daerah Belait, dan sebuah di Daerah Temburong. Jumlah sampel kajian ini ialah sebanyak 200 orang, iaitu 100 orang pelajar lelaki dan 100 orang pelajar perempuan.

Setelah pemerosesan data dilakukan, kajian ini telah menemukan sebanyak 1,237 kesalahan ayat, 1,332 kesalahan kata, dan 607 kesalahan ejaan yang telah dilakukan oleh keseluruhan sampel. Secara purata kesalahan yang dilakukan oleh setiap sampel (kesemuanya 200 orang) ialah 6.2 kesalahan ayat, 6.3 kesalahan kata dan 3.0 kesalahan ejaan.

Penemuan seterusnya ialah kumpulan sampel Luar Daerah Brunei dan Muara (LUDBM) lebih banyak melakukan kesalahan bahasa, berbanding dengan kumpulan sampel Daerah Brunei dan Muara (DBM). Kumpulan sampel lelaki lebih banyak melakukan kesalahan bahasa berbanding dengan kumpulan sampel perempuan. Kumpulan sampel Lelaki Luar Daerah Brunei dan Muara (LLUDBM) lebih banyak melakukan kesalahan bahasa berbanding dengan kumpulan sampel Lelaki Daerah Brunei dan Muara (LDBM). Seterusnya, kumpulan sampel Perempuan Luar Daerah Brunei dan Muara (PLUDBM), lebih banyak melakukan kesalahan bahasa berbanding dengan kumpulan sampel Perempuan Daerah Brunei dan Muara (PDBM).

Jika berdasarkan taraf pencapaian pula, kumpulan sampel Pangkat I lebih baik penguasaan bahasanya berbanding dengan kumpulan sampel Pangkat II dan kumpulan sampel Pangkat III. Di samping itu, tidak terdapat perbezaan yang ketara tentang kesalahan bahasa antara kumpulan sampel SSE Tinggi, SSE Sederhana dengan SSE Rendah. Dengan perkataan lain,

tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang kesalahan bahasa antara ketiga-tiga kumpulan sampel berkenaan.

Kesimpulannya, pelajar-pelajar Melayu di Tingkatan IV, di NBD, dalam konteks kajian ini, belum dapat menguasai BM dengan baik dan memuaskan. Mereka masih banyak melakukan kesalahan ayat, kesalahan kata dan kesalahan ejaan dalam penulisan karangan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**COMPETENCY IN MALAY LANGUAGE AMONG THE
MALAY STUDENTS AT THE UPPER SECONDARY LEVEL
IN BRUNEI DARUSSALAM**

by

HJ. MD. DAUD BIN TAHA

August 1992

Chairman: Assoc. Prof. Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Faculty: Faculty of Educational Studies

This study aims at looking into the problems faced by the Malay students at the Upper Secondary Level (Form IV) in Brunei Darussalam with regards to their competency in using the Malay Language (Bahasa Melayu).

This study also looks into the type and aspect of errors in using the language made by the samples. Besides, this study also attempts at comparing the degree of frequency in committing those errors based on the sample's location, sex, overall academic performance and socio-economic status.

In order to achieve the underlined objectives, the researcher has selected ten secondary schools in Brunei Darussalam, specifically five schools in Brunei District (Daerah Brunei) and Muara, two schools in Tutong District, two schools in Belait District and one school in Temburong District. The total number of sampel is 200 (i.e., 100 boys and 100 girls).



Based on the analysis of data, it is discovered that a total number of 1237 errors in sentence construction, 1332 vocabulary errors and 607 spelling errors have been made by the samples. On the average, each sample has made 6.2 errors in sentence construction, 6.3 errors in the choice of vocabulary and 3.0 errors in spelling.

It is further discovered that the samples from outside Brunei and Muara (LUDBM) districts make more errors in language usage as compared to those from Brunei and Muara (DBM) districts.

It is also found that, the male samples make more errors in language usage as compared to the female samples. Further, the male samples from outside the district of Brunei and Muara (LUDBM) make more errors in the usage than those who come from the district of Brunei and Muara (DBM). Similarly, it is also found that the female samples from outside the district of Brunei and Muara (PLUDBM) make more errors in the usage of the language than those who come from within the district of Brunei and Muara (PDBM).

Based on the overall academic performance of the samples, it is noted that the first graders are more competent in using the language as compared to those who obtained grade 2 or grade 3 in the SRPB examination. Besides, the difference in the degree of errors made by the samples from high SES as compared to those who come from the average and low SES is not that significant.



It can be concluded, the Malay students who are in Form IV at Negara Brunei Darussalam, within the context of this study, have not mastered the language effectively and satisfactorily. They make a lot of errors in sentence construction, vocabulary and spelling in essay writing.



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Sebelum *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam* (SPNBD) yang ada pada masa ini dilaksanakan pada awal tahun 1985, di Negara Brunei Darussalam (NBD), telah wujud satu sistem pendidikan yang mempunyai dua aliran, iaitu aliran Inggeris dan aliran Melayu. Aliran Inggeris menggunakan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran, kecuali mata pelajaran Bahasa Melayu (BM), Penge-tahuan Agama Islam, dan Kesusasteraan Melayu. Sementara aliran Melayu pula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk semua mata pelajaran, kecuali mata pelajaran BI. Sistem pendidikan dua aliran per-sekolahan ini telah wujud sejak awal tahun 50-an lagi, iaitu apabila dua buah sekolah Inggeris kerajaan telah didirikan di dua buah daerah yang berasingan, iaitu sebuah di Daerah Brunei dan Muara, dan sebuah lagi di Daerah Belait.¹

Walau bagaimanapun, pada 27hb. Oktober 1962, Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada tarikh tersebut, telah meluluskan satu *Dasar Pelajaran Kebangsaan* (seterusnya disebut sebagai DPK 1962) yang meng-gunakan BM sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah rendah

-
1. Sekolah Inggeris kerajaan yang pertama bagi Daerah Brunei dan Muara telah didirikan di Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) pada tahun 1951. Sekolah tersebut dinamakan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Ramai muridnya ketika itu cuma 9 orang, 6 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Sementara sekolah Inggeris kerajaan di Daerah Belait pula dibina di Pekan Seria, pada tahun 1952. Sekolah terse-but dikenali dengan nama Maktab Anthony Abell. Ramai muridnya 24 orang, 17 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Murid-murid yang belajar di kedua-dua buah sekolah Inggeris ini dipilih daripada murid-murid darjah IV di sekolah Melayu (Matassim Hj. Jibah, 1983: 9).



kebangsaan dan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan dan seterusnya di sekolah-sekolah menengah bawah, menengah atas dan menengah tinggi. DPK 1962 yang berdasarkan *Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang* (disempurnakan pada 1959) ini telah dijadikan sebagai *Dasar Pelajaran Negara*, dan berkuat kuasa mulai 31hb. Oktober 1962 (*Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972*, 1972: i). Namun demikian, DPK 1962 yang telah direstui oleh kerajaan itu tidak dapat dilaksanakan sebagaimana mestinya. Menurut Jawatankuasa Pengkaji DPK 1962, kegagalan untuk melaksanakan DPK 1962 ini, sebahagian besarnya disebabkan oleh kelemahan badan pelaksana yang telah dipertanggungjawabkan, iaitu pihak pentadbir di Jabatan Pelajaran pada ketika itu (*Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972*, 1972: 13).

Setelah 10 tahun berlalu, iaitu pada 1972, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan melantik sebuah *Suruhanjaya Pelajaran Brunei*, dengan tujuan untuk membentuk satu DPK yang baru, bagi menggantikan DPK 1962 yang tidak dapat dilaksanakan itu. Suruhanjaya Pelajaran tersebut telah menyediakan satu laporan, yang dikenali dengan *Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972* (LSP 1972). Walau bagaimanapun, LSP 1972 itu, sebahagian besarnya berdasarkan DPK 1962. LSP 1972 itu telah menggariskan lapan dasar. Dasar pertama dan yang utama ialah untuk menjadikan BM secepat mungkin sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan, sesuai dengan kehendak *Perlembagaan Negari Brunei* (*Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972*, 1972: 11).

Dalam *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, perkara 82 (1) ada menyebutkan:

Bahasa rasmi negeri ia-lah Bahasa Melayu dan hendak-lah di-tulis dengan huruf yang di-tentukan oleh undang2 bertulis.

(*Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, t.t: 122)

Kesimpulannya, sama ada berdasarkan DPK 1962 ataupun LSP 1972, kedua-duanya mendesak supaya BM dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan dan seterusnya di sekolah-sekolah menengah bawah, menengah atas dan menengah tinggi. Sama ada DPK 1962 mahupun LSP 1972, kedua-duanya telah cuba berusaha untuk menunaikan tuntutan perkara 82 (1), yang terkandung dalam *Perlembagaan Negeri Brunei 1959* itu.

Walau bagaimanapun, hasrat untuk menjadikan BM secepat mungkin sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan, dan seterusnya di sekolah-sekolah menengah bawah, menengah atas dan menengah tinggi itu, tidak dapat dilaksanakan. Menurut Misli Hj. Awang dan Maidin Hj. Ahmad, terbantutnya pelaksanaan LSP 1972 itu, disebabkan oleh beberapa masalah, terutamanya masalah kekurangan tenaga yang berkemahiran, iaitu berkemahiran dalam merancang, menyusun kurikulum, menyediakan buku-buku teks yang bersesuaian, di samping kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan atau berkelulusan dalam bidang BM, dan sebagainya (Misli Hj. Awang dan Maidin Hj. Ahmad, 1979: 11).

Masalah yang dinyatakan ini sememangnya wujud, kerana pada akhir tahun 60-an hingga tahun-tahun 70-an dan tahun-tahun berikutnya beberapa

buah *Sekolah Persediaan Inggeris* telah didirikan dengan pesatnya di keempat-empat buah daerah di NBD, iaitu di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Di samping mendirikan sekolah-sekolah persediaan Inggeris, kerajaan telah juga membina beberapa buah Sekolah Menengah Inggeris untuk menampung bilangan pelajar aliran Inggeris yang semakin meningkat pada setiap tahun. Sehingga akhir tahun 1975, terdapat enam buah sekolah menengah aliran Inggeris, di samping tujuh buah sekolah menengah aliran Melayu di NBD.

Walaupun kelihatannya pada tahun 1975 itu bilangan sekolah menengah aliran Melayu mengatasi jumlah sekolah menengah aliran Inggeris, namun pada hakikatnya, sejak tahun 1972, jumlah pelajar aliran Inggeris mengatasi jumlah pelajar aliran Melayu (iaitu ketika LSP 1972 itu disempurnakan). Jadual 1 memperlihatkan pertambahan pelajar aliran Inggeris pada setiap tahun, sebaliknya pelajar aliran Melayu pula, semakin berkurangan.

Berdasarkan jadual tersebut, pada tahun 1971, bilangan pelajar aliran Melayu mengatasi jumlah pelajar aliran Inggeris. Tetapi mulai tahun 1972, bilangan pelajar aliran Inggeris pula semakin bertambah dan mengatasi bilangan pelajar aliran Melayu, sebaliknya, pelajar aliran Melayu pula semakin berkurangan.

Nampaknya usaha untuk menambah bilangan pelajar aliran Inggeris ini adalah sesuatu yang telah dirancang oleh pihak yang berkenaan. Maka tidak hairanlah, jika pertambahan pelajar aliran Inggeris itu berterusan pada setiap tahun. Bahkan pada tahun 1975, sebagaimana yang tercatat dalam

Jadual 1
Bilangan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Melayu
dan Aliran Inggeris 1971 - 1975

Tahun	Pelajar Aliran Melayu			Pelajar Aliran Inggeris		
	L	P	Jumlah	L	P	Jumlah
1971	2,394	2,175	4,569	2,247	1,868	4,115
1972	2,200	1,939	4,139	2,715	2,362	5,077
1973	1,969	1,657	3,626	3,050	2,849	5,899
1974	1,907	1,440	3,341	3,472	3,373	6,845
1975	1,762	1,400	3,162	3,580	3,658	7,238

Sumber: Laporan Tahunan 1975, Jabatan Pelajaran, NBD.

Jadual 1 di atas, jumlah pelajar aliran Inggeris telah melebihi dua kali ganda daripada pelajar aliran Melayu.

Seterusnya pada tahun 1984, iaitu sebelum terlaksananya SPNBD, jumlah sekolah menengah aliran Inggeris telah bertambah menjadi 7 buah, sementara sekolah menengah aliran Melayu pula semakin berkurangan, iaitu hanya 4 buah. Di samping itu terdapat pula 4 buah sekolah menengah untuk kedua-dua aliran berkenaan, menjadikan bilangan sekolah menengah pada tahun tersebut sebanyak 15 buah, dengan jumlah pelajarnya 14,754 orang. Sementara jumlah pengajarnya pula 1,207 orang (*Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, NBD, 1988: 44*).

Berdasarkan fakta-fakta di atas, ternyata bahawa usaha untuk mengeneipikan sekolah menengah aliran Melayu itu adalah amat jelas, sebaliknya

penonjolan sekolah menengah aliran Inggeris itu pula amat ketara. Keadaan ini semakin bertambah nyata apabila terlaksananya satu sistem pendidikan yang baru pada awal tahun 1985, yang dikenali sebagai *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam* (SPNBD). SPNBD ini mengandungi tiga konsep, iaitu:

- i. Konsep Pendidikan Dwibahasa;
- ii. Konsep Pendidikan Melayu, Islam Beraja; dan
- iii. Konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan
(Islamization of Knowledge).

(SPNBD, 1985: 2, 33 dan 38).

Apa yang menarik perhatian dalam SPNBD ini ialah tentang konsep yang pertama itu, *Pendidikan Dwibahasa*. Antara lain konsep Pendidikan Dwibahasa ini adalah seperti yang berikut:

Konsep dwibahasa adalah satu cara bagi mendaulatkan Bahasa Melayu di samping tidak mengabaikan kepentingan Bahasa Inggeris dengan demikian kemahiran dalam kedua-dua bahasa tersebut akan dicapai dalam Sistem Pendidikan Negara.

(SPNBD, 1985: 2)

Setelah meneliti kandungan SPNBD ini, di samping mengambil kira pelaksanaannya yang telah berjalan selama lima tahun itu tidak nampak sebarang usaha untuk menuju ke arah *mendaulatkan bahasa Melayu* itu. Apa yang jelas, SPNBD ini lebih memberikan keutamaan kepada BI. Kesimpulan ini dapat dibuat demikian, kerana sebahagian besar mata pelajaran yang diajarkan, menggunakan bahasa Inggeris, sebagai bahasa pengantarnya. Semakin tinggi darjah atau tingkat persekolahan, maka semakin banyaklah penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Misalnya di